





# MINGGU KEDUA

## SEJARAH DAN PENGENALAN TANAH SUCI DAN KELEBIHAN

2

Bahagian Bimbingan,
Lembaga Tabung Haji

# TALBIAH

## LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيْكَ،

همبامو داتڠ مڤاهوت ڤڠڬيلنمو، ياالله، همبامو داتڠ مڤاهوت ڤڠڬيلنمو.

لَبَّيْكَ لاَ شَرِيْكَ لَكَ لَبَّيْكَ،

همبامو داتڠ مڤاهوت ڤڠڬيلنمو، تيدق اد سکوتو باݢيمو، همبامو داتڠ مڤاهوت ڤڠڬيلنمو.

إِنَّ الْحَمْدَ

سسوڠڬوهڽ سکل ڤوجين.

وَالنِّعْمَةَ،

دان نعمت.

لَكَ وَالْمُلْكَ،

دان ڤمرينتاهن اداله کڤوياءنمو.

لاَ شَرِيْكَ لَكَ،

تيدق اد سکوتو باݢيمو.

(.wav)

# MAKKAH




U
B
T
S
Image © 2011 GeoEye

# SEJARAH PERTEMUAN NABI ADAM DAN HAWA

- **KONSEP PENERIMAAN TAUBAT/PENGHAPUSAN DOSA**
  - **Pertemuan dua insan yang menganggap diri mereka berdosa**
  - **Hasutan iblis (di mana-mana)**

- **PENCETUS IBADAH QURBAN (Al Maidah 27–31)**
  - **Qabil qurban gandum**
  - **Habil qurban kibasy**

# SEJARAH TANAH HARAM MAKKAH

**SEJARAH KEHIDUPAN NABI IBRAHIM, ISTERINYA HAJAR DAN PUTERANYA ISMAIL (SURAH IBRAHIM AYAT 37 -38)**

رَّبَّنَآ إِنِّيٓ أَسۡكَنتُ مِن ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيۡرِ ذِي زَرۡعٍ عِندَ بَيۡتِكَ ٱلۡمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ
فَٱجۡعَلۡ أَفۡـِٔدَةٗ مِّنَ ٱلنَّاسِ تَهۡوِيٓ إِلَيۡهِمۡ وَٱرۡزُقۡهُم مِّنَ ٱلثَّمَرَٰتِ لَعَلَّهُمۡ يَشۡكُرُونَ ٣٧ رَبَّنَآ إِنَّكَ
تَعۡلَمُ مَا نُخۡفِي وَمَا نُعۡلِنُۗ وَمَا يَخۡفَىٰ عَلَى ٱللَّهِ مِن شَيۡءٖ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ ٣٨

37. "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah suci Makkah) Yang tidak tanaman padanya, di sisi rumahmu Yang diharamkan mencerobohinya. Wahai Tuhan kami, (Mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya Dengan ibadat). oleh itu, Jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.

38. "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau mengetahui akan apa Yang Kami sembunyikan dan apa Yang Kami zahirkan; dan tiada sesuatupun di langit dan di bumi, Yang tersembunyi kepada Allah!

# SEJARAH TANAH HARAM MAKKAH

- Hajar Mengadu Kepada Allah Mohon Rezeki
- Hajar Berlari Ulang Alik Dari Safa Ke Marwah
- Keluar Air Dari Pasir Yang Ditendang Oleh Ismail
- Umur Ismail 13 Tahun, Nabi Ibrahim Datang Ke Makkah
- Perintah Qurban (Sembelih Ismail) Melalui Mimpi (Surah As-saffat Ayat 102 – 111)
- Gangguan Iblis, Ibrahim Melontar Batu

# SEJARAH TANAH HARAM MAKKAH

- Kawasan Yang Tidak Berpenghuni – Laluan Qabilah Dagang
- Suku Jurhum Mohon Keizinan Hajar - Bermukim
- Nabi Ismail Dijodohkan Dengan Anak Kaum Jurhum
- Penguasaan Kaum Jurhum – 2 Abad
- Suku Khuza'ah Dari Yaman Kuasai Makkah Dengan Menewaskan Kaum Jurhum
- Qusay Ibnu Kilab Menyatukan Suku Arab Menjadi Satu Bangsa Atau Qabilah Quraisy Yang Disegani
- Rasulullah S.A.W Dilahirkan Semasa Kegemilangan Quraisy Di Bawah Pimpinan Abdul Mutalib
- Rasulullah S.A.W Menamatkan Penguasaan Musyrikin Quraisy Ke Atas Makkah Pada Bulan Ramadhan 8 Hijrah

# ADAB DI TANAH HARAM

1. Bergantung Kepada Allah Bukan Kepada Manusia
2. Menyedari Diri Sebagai Tetamu Allah
3. Menunjukkan Akhlak Yang Mulia
4. Menyedari Perjalanan Haji Adalah Ibadat
5. Bersyukur Dan Reda Dengan Apa Yang Disediakan
6. Menjauhi Percakapan Dan Perbuatan Keji
7. Elakkan Sikap Sombong Dan Takbur
8. Elakkan Pertengkaran Dan Menyakiti Dhuyuffurrahman Yang Lain
9. Elakkan Suka Mengadu Domba Dan Membawa Cerita Yang Tidak Berasas (khabar Angin)
10. Perbanyakkan Ibadat Seperti Tawaf, Membaca Al Quran, Iktikaf, Doa, Taubat Dan Istighfar
11. Semangat Tolong Menolong Dan Kerjasama

# KELEBIHAN TANAH HARAM

1. BUMI KELAHIRAN RASULLULLAH S.A.W

2. Tempat Kemuliaan, Keselamatan Dan Keamanan

3. 120 Rahmat Turun Ke Atas Kaabah Setiap Hari:
   - 60 Rahmat Untuk Orang Yang Tawaf
   - 40 Rahmat Untuk Orang Yang Solat
   - 20 Rahmat Untuk Orang Memandang Kaabah

4. Digandakan Kelebihan **100 Ribu Kali Ganda** Bagi Setiap Solat Dan Amalan Kebajikan Yang Dikerjakan Di Masjidil Haram Dan Seluruh Tanah Haram Makkah

5. **Tiada Waktu Ditegah** Untuk Mengerjakan Solat Sunat

6. Makkah Terpelihara Daripada Wabak Taun Dan Fitnah Dajal

7. Banyak Tempat Mustajab Untuk Berdoa

# GANJARAN 100 RIBU KEBAIKAN DI TANAH HARAM

- **Dalil- Petikan daripada Kitab Bahrul Wafi ms 460.**

Kata Ibn Abbas dan lainnya:

“Setiap amalan kejahatan digandakan dia di dalam negeri Makkah seperti digandakan kebajikan ertinya besarkan kejahatan di Makkah terlebih banyak daripada kejahatan yang dikerjakan pada lain daripada Makkah tiada bahawasanya, kejahatan itu berbilang supaya jangan menafikan ayat dan beberapa hadis yang disarihkan dengan ketiadaan berbilang-bilang kejahatan dan telah sah pada hadis bahawasanya’:

***1 kebajikan di Tanah Haram dengan 100 ribu kebajikan dan telah menunjuk beberapa hadis atas bahawasanya sembahyang pada Masjidil Haram dan kata qil sekalian Tanah Haram, berbeza ia atas segala negeri dengan ganda tiap-tiap sembahyang fardhu atau sunat hingga 100 ribu sembahyang, maka mengiringi padanya kemudian daripada Masjidil Haram itu rumah Saidatina Khadijah.***

# GANJARAN 100 RIBU KEBAIKAN DI TANAH HARAM

- **Dalil- Petikan kitab Bughyah al Tullab ms 102**

*Hadis Rasulullah S.A.W:*

*“Daripada Ibn Abbas bahawasanya Rasulullah S.A.W bersabda barangsiapa haji daripada Makkah berjlan kaki hingga kembali kepadanya disurat Allah bagi Allah baginya dengan tiap-tiap langkah itu 700 kebajikan daripada kebajikan Tanah Haram dan satu hasanah haram 100 ribu kebajikan”*

# GANJARAN 100 RIBU KEBAIKAN DI TANAH HARAM

- **Perbincangan Ulama': Pendapat mengatakan kelebihan 100 ribu itu merangkumi seluruh Tanah Haram Makkah berdalilkan peristiwa Israk Mikraj ketika Rasulullah S.A.W di Israkkan baginda berada di rumah Ummu Hani' bukan di dalam Masjidil Haram. Ulama' menjelaskan bahawa Masjidil Haram yang dimaksudkan dalam ayat tersebut merujuk keberkatan "*barakna haulahu*" kepada Tanah Haram seluruhnya.**

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا

ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١﴾

# TIADA WAKTU DITEGAH UNTUK MELAKUKAN SOLAT

- **Dalil- Petikan kitab Bahrul Wafi ms 62;**

- Dan makruh – akan sebagai **makruh tahrim**, tiada sah sembahyang lagi haram jika dikerjakan dia maka lain daripada Tanah Haram Makkah iaitu 5 waktu:
  - **Selepas solat subuh sehingga waktu syuruk.**
  - **Selepas waktu syuruk sehingga naik matahari (waktu dhuha).**
  - **Ketika rembang matahari kecuali hari Jumaat.**
  - **Selepas solat Asar sehingga terbenam matahari.**
  - **Masa kekuningan mata hari sehingga terbenam mata hari.**

# TIADA WAKTU DITEGAH UNTUK MELAKUKAN SOLAT

- **Dalil- Petikan kitab Majmu' Syarah Muhazzab ms 177;**

- **Hadis Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Abu Zar R.A;**

  Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda; tidak ada solat selepas solat Subuh sehingga naik matahari, tiadak ada solat selepas solat Asar sehingga terbenam matahari kecuali di Makkah.

- **Adapun solat yang mempunyai sebab yang terdahulu atau sebab yang menyertai maka tidak termasuk dalam larangan tersebut.**
- **Contoh solat yang terdahulu iaitu Solat *Tahiyatul* Masjid, Solat Sunat Wuduk, Solat Jenazah , Solat Qada'.**
- **Contoh solat yang sebab yang menyertai iaitu Solat Gerhana Matahari/Bulan, Solat Minta Hujan.**

# TEMPAT MUSTAJAB BERDOA

MENURUT AL-HASSAN AL BASRI RA. TERDAPAT 15 TEMPAT YANG MUSTAJAB BERDOA DI MAKKAH IAITU:-

BAHRUWAFI M/S 475

| | |
|---|---|
| 1. | Sepanjang Masa Tawaf Di Baitullah/Kaabah |
| 2. | Multazam |
| 3. | Dalam Kaabah |
| 4. | Telaga  Zam-zam |
| 5. | Hijr Ismail |
| 6. | Bukit Safa |
| 7. | Bukit Marwah |
| 8. | Mas'a (Tempat Sa'ie) |
| 9. | Belakang Maqam Ibrahim |
| 10. | Arafah (Sepanjang Masa Wuquf) |
| 11. | Muzdalifah (Sepanjang Masa Bermabit) |
| 12. | Mina (Sepanjang Hari Nahar Dan Hari Tasyrik) |
| 13. | Jamrah Sughra |
| 14. | Jamrah Wusta |
| 15. | Jamrah Kubra |







# SEJARAH KAABAH DAN MASJIDIL HARAM

## SEJARAH PEMBINAAN KAABAH

1. Rumah Ibadat Yang Pertama Didirikan Di Muka Bumi

2. Binaannya Daripada Batu Yang Diambil Daripada 5 Buah Gunung Iaitu Jabal Lubnan, Tur Ziata, Tur Sina, Jabal Judi Dan Jabal Hira'

3. Telah Dibina Sebanyak 3 Kali Sebelum Pembinaan Kaabah Oleh Nabi Ibrahim, Pembinaan Tersebut Di Buat Oleh Para Malaikat, Nabi Adam Dan Nabi Sith

4. Ukuran Pembinaan Oleh Nabi Ibrahim Adalah Seperti Berikut:-
   - Tinggi = 14 Meter
   - Panjang = 12 Meter
   - Lebar = 11 Meter

5. Pembinaan Semula Kaabah Di Buat Pada Zaman Bangsa Quraisy Iaitu Ketika Nabi Muhammad S.A.W Berusia 35 Tahun

6. Pembaharuan Dan Pemuliharaan Bermula Semenjak Pemerintahan Raja Fahd Hingga Sekarang

# GAMBARAN AWAL BINAAN KAABAH





BINAAN QUSAY BIN KILAB



BINAAN QURAISY



BINAAN IBN ZUBAIR



BINAAN HAJJAJ

# SEJARAH MASJIDIL HARAM

1. Suatu Kawasan Yang Meliputi Kaabah, Al Mataf (Tempat Tawaf) Dan Ruang Solat

2. Pada Peringkat Awal – Dari Zaman Nabi Ibrahim Hingga Ke Zaman Qusay Bin Kilab, Masjidil Haram Adalah Sebuah Kawasan Tanah Lapang Tanpa Sebarang Bangunan

3. Tahun 17 Hijrah, Kawasan Masjid Al–Haram Diperluaskan Oleh Khalifah Umar Dan Kemudian Diperbaharui Oleh Khalifah Uthman Ibn Affan Pada Tahun 26 Hijrah

4. Pembesaran Berterusan Dari Semasa Ke Semasa Di bawah Penguasa Tanah Haram Sehingga Sekarang


MASJIDIL HARAM
BUKIT SAFA
KAABAH
HIJR ISMAIL
BUKIT MARWAH

# PELAN LAKAR MASJIDIL HARAM




## KETERANGAN RUKUN KAABAH

## DI ANTARA TEMPAT TAWAF DAN SA'EI

## DI MASJID HARAM




## PINTU MASUK KE MAS'A

# KAABAH

Dalil-Alhaj.com

الكعبة المشـــرفة

( قبلة المسلمين )




1. PENJURU HAJAR ASWAD
2. PENJURU IRAQI
3. PENJURU SHAMI
4. PENJURU YAMANI
5. HAJAR ASWAD
6. PINTU KAABAH
7. MULTAZAM
8. MAQAM IBRAHIM
9. PANCUR EMAS
10. KAWASAN HIJIR ISMAIL
11. HATIM
12. SYAZARWAN
13. KELAMBU KAABAH

# AMALAN DI MASJIDIL HARAM

1. Perbanyakkan Amalan Soleh Seperti Tawaf Dan Solat
2. Membaca Al-quran
3. Berzikir
4. Berselawat Ke Atas Nabi
5. Jauhi Perbuatan Makruh Dan *Lagha* (Sia–sia)
6. Niat Beriktikaf Dalam Masjid








**Niat Iktikaf**

نَوَيْتُ الْإِعْتِكَافَ فِيْ هَذَا الْمَسْجِدِ لِلَّهِ تَعَالَى.

*Daku beriktikaf dalam masjid ini kerana Allah Ta'ala.*

# SEJARAH KEWUJUDAN AIR ZAMZAM

- Sinonim Dengan Sejarah Hajar Dan Puteranya Ismail
- Di Sebuah Lembah Yang Gersang Lagi Tiada Berpenghuni
- Hajar Berlari-lari Ke Bukit Safa Dan Bukit Marwah Mencari Air Apabila Puteranya Ismail Menangis Kerana Kepanasan Dan Dahaga
- Setelah Berlarutan Berulang Alik Sebanyak 7 Kali Beliau Mendapati Air Sedang Terpancar Berhampiran Puteranya Ismail
- Hajar Membina Kepungan (*Tazamzama*) Agar Air Tidak Melimpah Keluar
- Bersempena Dengan Peristiwa  Itu, Air Ini Dinamakan Telaga Zamzam

# ADAB MINUM AIR ZAMZAM

**Antara adab ialah:**

- Menghadap ke arah kiblat
- Membaca basmalah
- Menggunakan tangan kanan
- Minum dalam keadaan tenang dengan 3 kali nafas iaitu dengan tiga kali teguk
- Membaca doa:

اللهم اني أسالك علما نافـــعا ورزقا واسعا وشفاء من كل داء

*** RASULULLAH S.A.W PERNAH MINUM AIR ZAM ZAM  SECARA BERDIRI  DAN DUDUK**

# KELEBIHAN AIR ZAMZAM

## DENGAN IZIN ALLAH

1. **BOLEH MENYEMBUHKAN PENYAKIT** (namun jemaah haji yang sedia berpenyakit hendaklah mengambil ubat mengikut jadual dan nasihat pegawai perubatan seperti biasa, ini sebagai usaha menyembuh penyakit. Jangan salah faham berkaitan konsep tawakkal)

2. **Mengenyangkan Dan Menambah Kekuatan Tubuh Badan Peminumnya**

3. **Menyempurnakan Tujuan Dan Hasrat Peminumnya**

4. **Tidak Akan Kering Sehingga Hari Kiamat**

5. **Air Yang Telah Digunakan Untuk Membasuh Hati/Jantung Rasullullah S.A.W**

6. **Kelebihan Dari Segi Saintifik**

# KELEBIHAN DARI SEGI SAINTIFIK

**Sabda Nabi Muhammad S.A.W bermaksud:**

“Sebaik-baik air di permukaan bumi adalah air zamzam. Padanya ada makanan yang menyegarkan dan penawar bagi segala penyakit.”



# KAWASAN *MASYA'IR* HAJI



# KAWASAN *MASYA'IR* HAJI

1. **Lambang kebesaran agama Allah meliputi kawasan Arafah, Muzdalifah dan Mina**

2. **Padang Arafah :** tempat berwuquf pada 9 Zulhijjah.

   Dari segi geografinya ialah**:**

   - **Keluasan :** 13 km, 129 hk**.**
   - **Jarak jauh :** dari Makkah melalui jalan asal 21.9 km.

3. **Muzdalifah :** tempat bermabit pada malam 10 Zulhijjah**.**

   - Terletak di antara Arafah dan Mina. Dari Arafah 8 km. Dari Mina 6.9 km.

4. **Mina :** tempat berkumpul dan bermalam pada hari-hari tasyrik**.** Dari segi geografi :

   - **Dari Makkah 7 km.**
   - **Lebar :** 1.1 km di sekitar Jamrah Kubra 500 m.
   - **Panjang :** dari Jamrah Kubra hingga ke Wadi Muhaisir 4.7 km. Purata keluasan Mina di sekitar 7.8 km sahaja. Terdapat dua buah bukit di kiri dan kanan kawasan Mina. Salah satu darinya ialah Bukit Thubair.

# KAWASAN PERJALANAN HAJI



# SUASANA DI *MASYA'IR*

WUQUF DI PADANG ARAFAH



MABIT MUZDALIFAH



KHEMAH KALIS API DAN BERHAWA DINGIN



MELONTAR JAMRAH



# KHEMAH DI ARAFAH







# KHEMAH DI ARAFAH











# MUZDALIFAH



# KOMPLEKS MELONTAR JAMRAH DI MINA





**Pemandangan dari atas Jamrat**



**Jemaah sedang melontar**

# LALUAN BARU DARI MUASSIM KE JAMRAH



**Terowong Pertama**



**Terowong Kedua**




**Jamrat dari Terowong Kedua**



**Pintu Keluar Terowong Kedua**

# WASSALAM



*Semoga semua bakal jemaah haji yang dikasihi diberikan oleh Allah S.W.T kesabaran dan ketenangan serta didoakan mendapat sebaik-baik ganjaran*



***HAJI YANG MABRUR DAN UMRAH YANG MAQBUL***